

## KUALA KEDAH KE ARAH DESTINASI PELANCONGAN WARISAN: SATU PERSPEKTIF AWALAN

Oleh:

Mohamad Zaki Ahmad

Johan Afendi Ibrahim

Fakulti Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti

Universiti Utara Malaysia

Hood Mohd. Salleh

Muzium Warisan Akademik

Universiti Kebangsaan Malaysia

### Abstrak

Warisan telah menjadi semakin penting kepada pelancong pada hari ini. Di kebanyakan tempat di seluruh dunia, warisan dikategorikan sebagai salah satu komponen utama dalam pembangunan pelancongan terutamanya apabila ia digabungkan dengan aktiviti pelancongan dan rekreasi. Pada masa sekarang, dapat dilihat bahawa aktiviti perjalanan mengunjungi destinasi berteraskan warisan telah berkembang dengan pesat. Memandangkan potensi pelancongan berteraskan warisan adalah amat besar, Kuala Kedah sebagai sebuah pekan nelayan yang amat sinonim dengan sejarah Kesultanan Kedah yang lampau seharusnya mengambil kesempatan ini untuk membangun sebagai sebuah destinasi pelancongan warisan. Justeru, kertas konseptual ini akan mengupas dan memberi penjelasan tentang aspek-aspek seperti definisi dan konsep warisan, pelancongan warisan, interaksi dinamik antara pelancongan dan pemuliharaan, dan ancaman pelancongan terhadap warisan budaya sebelum membincangkan potensi dan peluang yang terdapat pada Kuala Kedah untuk membangun menjadi sebuah destinasi warisan yang menarik dan berjaya. Di akhir kertas konseptual ini, beberapa cadangan akan dikenitarakan bagi membantu Kuala Kedah merancang dan membangunkan pelancongan dalam konteks yang lebih berkesan dan sempurna.

### Pengenalan

Warisan telah menjadi semakin penting kepada pelancong pada hari ini. Di kebanyakan tempat di seluruh dunia, warisan dikategorikan sebagai salah satu komponen utama dalam pembangunan pelancongan terutamanya apabila ia digabungkan dengan aktiviti pelancongan dan rekreasi. Pada masa sekarang, dapat dilihat bahawa aktiviti perjalanan mengunjungi destinasi berteraskan warisan telah berkembang dengan pesat.

Dalam konteks global, kebanyakan pusat tarikan pelancongan utama dunia adalah Bandar-bandar warisan yang disenaraikan sebagai warisan dunia. Pelancong ingin melihat sendiri warisan dunia yang sukar didapati di tempat lain. Bandar warisan seperti Paris di Perancis; York, Bath, Cambridge dan Oxford di England; Amsterdam di Belanda; dan Pisa, Venice, dan Florence di Italy begitu dikenali oleh pelancong di seluruh dunia. Malaysia juga sebenarnya mempunyai banyak bandar warisan yang boleh dipulihara dan disenaraikan sebagai warisan dunia dan berpotensi menjadi tarikan pelancong contohnya Georgetown, Bandaraya Melaka, Kuching, Kota Bharu dan Taiping.

Kerajaan Malaysia amat menyedari akan kepentingan aspek warisan terutamanya dalam konteks pelancongan. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), sebilangan projek telah dilaksanakan sebagai usaha untuk memelihara tempat kebudayan dan warisan serta memenuhi minat khusus pelancong yang akan melawat. Lebih daripada 60 monumen dan 25 tempat bersejarah telah dinaik taraf sebagai tarikan pelancong. Pusat kebudayaan sedia ada dan baru menyediakan saluran untuk mempamerkan seni dan kraf tradisional Malaysia termasuk batik, pua kumbu dan songket. Manakala bagi Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), pelancongan warisan diiktiraf sebagai satu agenda penting. Dalam konteks ini "pemuliharaan tempat bersejarah, bangunan dan bahan artifak akan terus menjadi salah satu langkah bagi memelihara peninggalan sejarah negara serta menambah bilangan tarikan pelancong. Bagi melaksanakan strategi ini, beberapa tempat dan bangunan bersejarah dikenalpasti untuk

dipulihara dalam tempoh Rancangan. Tempat tersebut termasuk Kota Kuala Muda di Kedah, Fort Alice di Sarawak dan kawasan neolitik di Bukit Tengkorak di Sabah. Laluan sejarah turut dibangunkan berdasarkan tema tertentu seperti Baba Nyonya, era Portugis dan Belanda di Melaka, kawasan tinggalan perang di Kota Bharu serta Bunga Mas di Kedah dan Kelantan".

Kuala Kedah yang merupakan sebuah pekan kecil yang lebih dikenali sebagai sebuah pekan nelayan juga turut mempunyai peninggalan warisan sejarah silam. Perjuangan menentang penjajahan Siam suatu ketika dahulu diabadikan oleh sisa-sisa Kota Kuala Kedah, yang masih gagah dipelihara dan dipulihara pihak berwajib, yang terkenal dengan rumah api dan beberapa meriam lagenda yang mempunyai mitos yang tersendiri. Memandangkan potensi pelancongan berteraskan warisan adalah amat besar, Kuala Kedah seharusnya tidak melepaskan peluang untuk membangun sebagai sebuah destinasi pelancongan warisan. Dengan tarikan-tarikan pelancongan dan kemudahan infrastruktur yang berkaitan, Kuala Kedah mempunyai potensi yang amat besar untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan yang baru.

### **Definisi dan konsep warisan**

"Warisan merupakan pusaka peninggalan masa silam yang masih diamalkan pada hari ini dan diperturunkan dari generasi sekarang kepada generasi akan datang. Warisan budaya dan warisan semulajadi kita sememangnya menjadi sumber dan inspirasi kehidupan yang tidak dapat ditukarganti. Malahan, warisan-warisan ini adalah tanda aras, asas rujukan dan identiti kita," (WHC, 1996).

Warisan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan semua. Walaupun kepentingannya adalah tidak setara antara seorang individu dengan individu yang lain, namun adalah mustahil untuk menafikan impak warisan terhadap kehidupan manusia hari ini dan masa hadapan. Antara Warisan Dunia (World Heritage) termasuklah tapak-tapak yang mempunyai nilai sejagat yang diberi pengiktirafan melalui proses pemilihan dan pencalonan yang bergantung kepada konsep-konsep warisan kebangsaan (bagi negara-negara yang berkenaan). Pelancongan berteraskan pergerakan antarabangsa dapat menyumbang kepada kemajuan dan perkembangan kesedaran warisan di peringkat global, dan secara tidak langsung dapat meningkatkan penghargaan terhadap nilai-nilai dan amalan warisan.

Warisan yang masih segar dan 'hidup' sehingga hari ini selalunya adalah unik dan tidak dapat ditukarganti, malah ianya memerlukan kepada usaha dan tanggungjawab pemuliharaan yang lebih daripada generasi masa kini. Objek-objek yang lebih kecil seperti hasilkerja seni dan *masterpiece* budaya dikumpul dan dipamerkan di muzium dan galeri-galeri seni. Di peringkat antarabangsa, usaha melindungi dan memelihara aspek warisan budaya dan semulajadi telah dicetuskan oleh UNESCO melalui *Convention Concerning the Protection of World Cultural and Natural Heritage* yang telah dipersetujui dalam persidangan umumnya pada 1972. Sehingga 2006, terdapat 830 Tapak Warisan Dunia (World Heritage Sites) di 138 negara yang terdiri daripada 644 tapak warisan, 162 tapak semulajadi dan 24 tapak berasaskan gabungan warisan. Setiap tapak warisan ini mempunyai nilai yang amat besar kepada manusia sejagat.

Persidangan Warisan Dunia UNESCO 1972 ini juga turut menggariskan bahawa "warisan budaya dan alam semulajadi semakin terancam oleh kemasuhan, bukan sahaja disebabkan kerosakan secara tradisional, tetapi juga oleh sebab perubahan keadaan sosial dan ekonomi. Kemasuhan atau kehilangan budaya atau alam semulajadi ini akan mengakibatkan kepupusan warisan bagi semua bangsa di dunia." Justeru, bagi mengelakkan kepupusan daripada berlaku, usaha gigih yang berterusan bagi memelihara dan memulihara segala warisan yang ada hari ini perlulah diambil dan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa. Dalam konteks ini, 'pemuliharaan' merupakan satu bidang pelbagai disiplin yang merangkumi pemuliharaan monumen, kawasan bandar, bangunan bersejarah, tapak sejarah dan aspek sosio-ekonomi dan budaya. Secara praktikalnya, pengetahuan dan pemahaman yang luas amat diperlukan dalam bidang ini. Justeru, secara umumnya pemuliharaan akan melibatkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang dan profesional; antaranya termasuklah jurukur bahan, ahli sejarah, kontraktor bangunan, perancang bandar, akitek, tukang ukir, pakar barang antik, dan lain-lain.

Warisan dalam konteks yang luas bermaksud “sesuatu yang dipindahkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain” (Nuryanti, 1996). Perkataan ‘warisan’ itu sendiri turut mengandungi elemen-elemen kebudayaan dan semulajadi. Dalam konteks kebudayaan, warisan menjelaskan kedua-dua bentuk material dan bukan material (Nuryanti, 1996) seperti artifak, peninggalan sejarah, bangunan, monumen, senibina, falsafah, nilai sosial dan adat tradisi, acara sejarah, perayaan, cara hidup yang berbeza, kesusastraan, cerita-cerita rakyat, amalan pendidikan, kesenian, ekspresi artistik dan lain-lain aspek aktiviti manusia. Secara umum, warisan kebudayaan bukan material adalah lebih sukar untuk dipulihara berbanding dengan warisan kebudayaan dalam bentuk material. Dalam konteks semulajadi, warisan turut merangkumi taman-taman, hutan-hutan, landskap, gunung-ganang, bukit-bukau, pulau-pulau, flora dan fauna. Malahan, warisan semulajadi turut mempunyai komponen kebudayaan memandangkan nilai warisan tersebut bergantung kepada penilaian subjektif oleh manusia.

Terma ‘warisan’ juga digunakan dalam pelbagai konteks (Tunbridge dan Ashworth, 1996). Ianya digunakan bagi merujuk kepada objek-objek dari masa silam atau tapak-tapak peninggalan tanpa struktur fizikal kekal yang dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa silam. Malahan, ‘warisan’ juga digunakan bagi merujuk kepada aspek-aspek bukan fizikal masa silam seperti produktiviti kebudayaan dan artistik. Di kebanyakan negara, “warisan kebangsaan” mempunyai makna yang hampir sama dengan “budaya kebangsaan”.

Dalam konteks setempat, Din (2000) mengklasifikasikan warisan kepada tiga kategori: warisan alam semulajadi, warisan budaya jalanan dan warisan budaya tontonan. Menurut beliau lagi, budaya jalanan merangkumi ciri-ciri alam hidup yang boleh diperhatikan sebagai amalan semasa masyarakat setempat termasuklah upacara sosial dan keagamaan, pekerjaan dan makanan. Budaya tontonan pula adalah ciri-ciri kebudayaan zaman silam yang hanya diabadikan dalam bentuk pementasan, pameran dan model. Sebagai perbandingan, negara-negara dunia ketiga lebih popular dengan tarikan budaya jalanan seperti festival kebudayaan, upacara keagamaan dan pasar malam; manakala di negara-negara maju seperti di Eropah, muzium, galeri dan lain-lain aspek budaya tontonan adalah lebih terkenal.

Warisan juga merupakan sumberjaya kebudayaan, ekonomi dan politik. Memandangkan warisan dilihat sebagai mempunyai nilainya yang tersendiri, maka artifak warisan adalah amat sesuai dan praktikal untuk dijadikan koleksi dan anugerah, dan dipulihara sebagai satu objek yang amat tinggi nilainya. Menurut Tunbridge dan Ashworth (1996) lagi, warisan kebangsaan berdasarkan sejarah kebangsaan menjelaskan keunikan negara sejak zaman berzaman melalui peredaran masa. Dalam konteks ini, warisan itu sendiri merupakan alat yang amat bernilai dalam membangkit dan meningkatkan semangat kebangsaan, atau mewujudkan satu imej kebangsaan. Sebagai sumberjaya ekonomi, warisan dapat digunakan dalam pelbagai bentuk. ‘Industri warisan’ merupakan aktiviti komersial utama yang berdasarkan penjualan barang dan perkhidmatan yang mempunyai komponen warisan (Tunbridge dan Ashworth, 1996). Perkhidmatan pelancongan dan percutian sesungguhnya memainkan peranan yang penting dalam industri ini, tetapi perusahaan dan penjualan produk warisan juga tidak dapat dinafikan kepentingannya. Aspek-aspek warisan juga boleh digunakan bagi mewujudkan imej sesuatu destinasi atau tempat dan boleh juga digunakan bagi tujuan promosi.

Secara amnya, definisi warisan itu sendiri merupakan sesuatu yang subjektif dan luas maksudnya (Razak, 2006). Tiada had masa dan garisan yang dapat menentukan sesuatu khazanah atau peninggalan itu layak dikategorikan sebagai warisan walaupun sesuatu itu diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain.

### **Pelancongan warisan**

Dalam konteks umum, pelancongan warisan merupakan satu bentuk pelancongan untuk melihat segala khazanah warisan yang telah diwarisi daripada generasi terdahulu seperti sejarah, kebudayaan, kesenian, alam semulajadi, artifak dan lain-lain (Razak, 2006). Swarbrooke (1994) mendefinisikan pelancongan warisan sebagai “pelancongan berdasarkan warisan, di mana warisan itu sendiri adalah tunjang utama bagi produk yang ditawarkan, dan warisan adalah faktor

motivasi (penggalak) utama kepada pelawat atau pelancong". Secara jelasnya definisi ini merangkumi satu skop aktiviti berkaitan yang luas, daripada lawatan ke bandar atau tempat bersejarah hingga kepada melawat pameran senibudaya di muzium. Dari sudut pelancongan, dalam konteks ini, warisan sebagai tarikan mestilah menarik dan mudah untuk pelancong atau pelawat sampai ke tempat warisan yang berkenaan. Dalam menarik pelawat atau pelancong untuk mengunjungi sesuatu destinasi, warisan perlu menjadi motivasi (sebab) utama, atau faktor sekunder selain daripada tarikan pelancong yang lain di destinasi tersebut.

Pelancongan warisan secara relatifnya merupakan satu fenomena baru, walaupun perjalanan untuk tujuan kebudayaan atau melawat tempat bersejarah telah wujud dan popular sejak zaman silam lagi. Walaubagaimanapun, bentuk pelancongan ini semakin berkembang sejak kebelakangan ini didorong oleh faktor-faktor umum dan khusus. Masa senggang yang semakin meningkat, perbelanjaan bolehguna yang semakin bertambah, meningkatnya mod pengangkutan dengan teknologi yang lebih canggih dan pembentukan pakej percutian terancang menyumbang kepada kemajuan dan perkembangan pelancongan secara umum. Secara khususnya, peningkatan nostalgia terhadap masa silam, taraf pendidikan yang lebih tinggi, peningkatan status sosial bagi warisan dan kepelbagaian faktor motivasi pelancong telah menyebabkan permintaan terhadap pelancongan berdasarkan warisan menjadi semakin meningkat. Kewujudan bentuk-bentuk baru produk warisan juga telah membentuk permintaan baru yang lebih kompleks yang secara tidak langsung turut menjelaskan tentang populariti pelancongan warisan yang semakin berkembang. Bekalan (*supply*) produk warisan sedia ada turut meningkat secara dramatik semenjak dua dekad yang lalu terutamanya melalui pembukaan dan pengenalan tarikan-tarikan warisan yang baru dan juga melalui pakej produk warisan yang lebih kompetitif.

Secara umumnya, pelancong warisan (*heritage tourists*) mempunyai taraf pendidikan yang lebih baik daripada biasa, pendapatan yang lebih tinggi, terdiri daripada golongan kelas pertengahan, berpengalaman dalam perjalanan antarabangsa, melakukan perjalanan tanpa anak kecil dan membuat perbelanjaan yang lebih tinggi semasa melancong. Perjalanan berdasarkan warisan secara umumnya adalah pendek yang merangkumi beberapa tempat dan dilakukan sebagai cuti tambahan di sepanjang tahun (Tunbridge dan Ashworth, 1996).

Cabarannya pelancongan warisan adalah bagaimana caranya untuk membina atau membangunkan semula (*reconstructing*) masa silam pada masa kini melalui interpretasi (Nuryanti, 1996). Interpretasi bukan sahaja menerangkan fakta sejarah tetapi ianya juga membentuk dan meningkatkan pemahaman atau tindak balas emosi, meningkatkan penghargaan, kesedaran dan keseronokan terhadap aspek warisan. Oleh itu, dalam konteks ini, interpretasi perlu melibatkan lebih daripada informasi berdasarkan enam prinsip utama (Nuryanti, 1996). Prinsip-prinsip tersebut adalah seperti berikut:

- Interpretasi perlu mengaitkan warisan yang diwakili dengan personaliti atau pengalaman pelawat.
- Interpretasi merangkumi dan lebih daripada maklumat semata-mata.
- Interpretasi adalah seni hasil daripada gabungan beberapa bentuk kesenian.
- Matlamat utama interpretasi ialah 'provokasi' (*provocation*), dan bukannya arahan (*instruction*) (walaupun peranan pendidikan bagi interpretasi tidak pernah diabaikan).
- Interpretasi perlu lebih memfokuskan kepada 'keseluruhan' (*whole*) daripada 'bahagian' (*part*).
- Interpretasi perlu direkabentuk dengan memberi keutamaan kepada segmen-segmen pelawat yang berlainan (*different visitor segments*) berdasarkan pendekatan yang berbeza bagi setiap segmen yang berlainan.

Adalah penting untuk mengenalpasti skala bagi tarikan-tarikan warisan dengan mengambil kira segmen-segmen pasaran yang berkenaan: hanya sebahagian kecil sahaja tapak-tapak warisan boleh dipertimbangkan sebagai tarikan peringkat antarabangsa, manakala selebihnya hanyalah menarik minat pelawat di peringkat nasional, negeri ataupun peringkat daerah (tempatan) sahaja.

Sekalipun pada skala antarabangsa, hanya terdapat dua tahap iaitu: tarikan antarabangsa primer yang berupaya menghasilkan lawatan-lawatan dari negara-negara luar secara terus ke tarikan-tarikan berkenaan, manakala tarikan sekunder pula bukanlah merupakan faktor penentu dalam pemilihan destinasi oleh pelancong tetapi tarikan ini mempunyai nilai yang sesuai atau mencukupi untuk menarik minat pelancong-pelancong melawat tarikan berkenaan setibanya mereka ke negara yang berkenaan (Jenkins, 1993).

### Kuala Kedah: potensi dan cabaran

Kuala Kedah yang terletak di bahagian utara negeri Kedah merupakan sebuah kawasan petempatan ataupun sebuah pekan kecil dalam daerah Kota Setar yang lebih dikenali sebagai sebuah pekan nelayan yang turut mempunyai peninggalan sejarah silam. Kedudukannya hanyalah 11 kilometer dari Pusat Bandar Alor Star. Kuala Kedah merupakan sebuah kawasan tanah pamah yang terletak di kawasan pinggir laut yang menghala ke Selat Melaka. Terdapat lapan belas buah kampung di Kuala Kedah; antaranya Kampung Tok Pasai, Ulu, Tepi Laut, Tengah, Seberang Kota, Sematang Bogak dan Kampung Padang Garam. Kampung-kampung ini terletak berhampiran antara satu dengan lain dan mempunyai nama-nama yang berbeza yang dikaitkan dengan kedudukan dan peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku di kampung-kampung tersebut. Perikanan merupakan kegiatan ekonomi utama di Kuala Kedah memandangkan kedudukannya berhampiran pinggir pantai. Namun begitu, aktiviti pertanian terutamanya penanaman padi juga diusahakan di Kuala Kedah.

Perjuangan menentang penjajahan Siam suatu ketika dahulu diabadikan oleh sisa-sisa Kota Kuala Kedah, yang masih gagah dipelihara dan dipulihara pihak berwajib, yang terkenal dengan rumah api dan beberapa meriam lagenda yang mempunyai mitos yang tersendiri. Jambatan Tok Pasai yang merentasi Sungai Kedah turut menjanjikan satu pemandangan panoramik terutamanya pada waktu senja. Dari atas jambatan ini dapat disaksikan sawah padi terbentang luas dan deretan bot dan kapal nelayan yang sibuk di kiri kanan muara Sungai Kedah ini. Jika cuaca amat baik, beberapa buah pulau akan turut dapat disaksikan dari atas jambatan ini.

Secara umumnya, Kuala Kedah sebenarnya tidak kurang dengan tarikannya yang tersendiri. Daripada aspek sejarah warisan budaya hingga kepada aktiviti menyusuri Sungai Kedah (*riverine*) dan projek Kuala Kedah Yacht Marina yang tersergam indah, Kuala Kedah sebenarnya mempunyai banyak tarikan untuk ditawarkan kepada pelancong mahupun pengunjung. Makanan laut segar dan laksa serta pulut sambal Kuala Kedah sememangnya amat dicari oleh mereka yang datang dari luar pekan ini. Dengan hanya dipisahkan oleh 11 kilometer dari ibu negeri Kedah, pengunjung tidak akan menghadapi banyak masalah untuk melawat tarikan-tarikan pelancongan di Bandaraya Alor Star seperti Balai Besar, Muzium Di Raja, Masjid Zahir, Menara Telekom, Balai Nobat, Balai Seni Negeri, Muzium Negeri, Rumah Kelahiran Mahathir dan Pekan Rabu.

Kuala Kedah juga merupakan pintu masuk ke Pulau Langkawi melalui jalan laut. Untuk ke Pulau Langkawi, pelancong perlu menaiki feri penumpang yang berlepas dari Terminal Penumpang Kuala Kedah dengan tempoh perjalanan selama 1 jam 15 minit. Memang tidak dapat dinafikan bahawa majoriti pelancong Kuala Kedah merupakan pelancong transit yang dalam perjalanan ke Langkawi. Memandangkan *trend* peningkatan kedatangan pelancong yang positif ke Langkawi, adalah menjadi satu kerugian kepada pekan ini kerana tidak dapat mengambil peluang menjadikan atau mengekalkan pelancong-pelancong transit tersebut sebagai pelancong Kuala Kedah. Setidak-tidaknya, usaha menarik lebih ramai pelancong berpotensi termasuk pelancong-pelancong transit bermalam dan seterusnya menggalakkan mereka berbelanja di pekan ini akan menjadikan aktiviti dan pembangunan pelancongan di Kuala Kedah akan lebih bermakna.

Di samping tarikan warisannya seperti cara hidup nelayan dan pesawah padi, makanan uniknya yang tersendiri seperti Laksa Kuala Kedah atau juga dikenali sebagai Laksa Teluk Kechai dan pulut sambal serta hidangan makanan lautnya yang segar, tarikan dominan yang seringkali dikaitkan dengan sejarah negeri Kedah adalah Kota Kuala Bahang atau lebih dikenali sebagai Kota Kuala Kedah. Walaupun tidak segah atau begitu tua jika dibandingkan dengan Kota A'

Famosa yang amat terkenal di Melaka, Kota Kuala Kedah yang amat berjaya ini mempunyai peninggalan sejarah dan elemen warisan yang amat tinggi nilainya. Terletak di tebing berdekatan pintu Sungai Kedah, kota yang dibina pada tahun 1782 ini bertindak melindungi kerajaan Kedah pada masa berkenaan daripada serangan musuh seperti Siam, Aceh dan Belanda. Antara peninggalan warisan yang masih kekal sehingga hari ini ialah rumah api berbentuk istana catur yang masih berfungsi dan dapat beroperasi menggunakan kuasa solar, tembok asal yang bertindak sebagai kubu, beberapa pucuk meriam termasuklah dua meriam lagenda yang dikenali sebagai "Tok Badak Berendam" dan "Katak Puru", Pintu Malim, Pintu Kota Alor Melaka dan bangunan istana lama yang telah diubahsuai menjadi sebuah muzium yang mempamerkan artifak dan bahan-bahan bersejarah lain yang ditemui di kawasan kota berkenaan dan kawasan yang berhampiran. Makam Tok Pasai yang terletak di kawasan letak kereta Terminal Penumpang Kuala Kedah juga merupakan satu lagi peninggalan sejarah yang dikaitkan dengan pembukaan pekan Kuala Kedah sekarang. Mungkin disebabkan kedudukannya di kawasan berkenaan dan tanpa usaha yang bersesuaian seperti interpretasi warisan, maka Makam Tok Pasai dilihat seperti satu elemen warisan yang terpinggir dan dilupakan.

Kuala Kedah Yacht Marina yang tersergam indah yang terletak berhampiran Kota Kuala Kedah menjanjikan satu pemandangan yang amat menawan. Sesiaapa yang melihat keunikan rekabentuk bangunan ini pasti ingin merakam saat-saat mereka berada di situ berlatarbelakangkan bangunan berkenaan. Kawasan pantai dan perkampungan Melayu yang dihiasi landskap sawah padi yang luas terbentang turut menawarkan satu pemandangan yang indah menawan terutamanya pada awal pagi dan lewat petang di kala malam menjelang. Sesungguhnya kawasan ini akan menarik minat mereka-mereka yang mencintai pemandangan indah terutamanya bagi penggemar fotografi.

Satu lagi tarikan yang dikaitkan dengan warisan semulajadi di Kuala Kedah yang ramai tidak menyedarinya adalah 'mengendap burung' (*bird watching*). Menurut Hymeir Kamarudin, berdasarkan pengalaman beliau menjalankan aktiviti ini di perairan antara Kuala Kedah dan Kuala Sala (antara latitud 6° 06' dan 5° 57') sejak 1997, terdapat banyak spesis burung yang dapat dilihat di sini. Sepanjang empat tahun menjalankan aktiviti *bird watching* ini, 75 spesis burung telah berjaya dikesan dan direkodkan. Antara spesis-spesis burung berkenaan adalah Raja Udang, Leher Putih, Jambul Hitam, Bangau, Helang Laut Perut Putih, Layang-layang Bahu Hitam dan Layang-layang Brahminy. Kedudukan Kuala Kedah yang tidak berapa jauh dengan tarikan-tarikan pelancongan yang lain seperti Pantai Murni, Air Terjun Seri Perigi dan Batu Hampar di Yan serta tarikan-tarikan di sekitar Alor Star juga turut memberi nilai tambah kepadaanya untuk membangun sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik dan lebih terkenal.

Dalam konteks pembangunan pelancongan, ramai tokoh akademik seperti Lickorish dan Jenkins (1999), Inskeep (1991), Swarbrooke (1999), Pearce (1989), serta Davidson dan Maitland (1997) berpendapat bahawa untuk menjadi sebuah destinasi yang berjaya, penekanan perlu diberikan kepada lima elemen yang berikut: tarikan (*attractions*), kemudahan (*facilities*), infrastruktur (*infrastructure*), pengangkutan (*transportation*) dan sumber hospitaliti (*hospitality resources*). Tarikan (termasuk acara) merupakan aspek utama yang menarik pelancong dan pelawat datang ke sesuatu destinasi, manakala kemudahan, infrastruktur, pengangkutan dan sumber hospitaliti pula diperlukan bagi menyokong tarikan dan acara. Dalam konteks Kuala Kedah, kepelbagaiannya tarikan yang terdapat di sana sebenarnya mempunyai potensi yang besar dalam 'memancing' lebih ramai pelancong dan pelawat untuk datang dan terus datang ke sana. Namun untuk menjadi sebuah destinasi pelancongan warisan, lebih banyak usaha yang lebih berkesan terutamanya dalam aspek perancangan dan pembangunan termasuklah aspek pemasaran dan latihan hospitaliti khususnya kepada penduduk tempatan adalah amat diperlukan.

Selain elemen tarikan, Kuala Kedah juga tidak kurang dengan elemen kemudahan, infrastruktur dan pengangkutan seperti yang disenaraikan dalam Rajah 1. Elemen sumber hospitaliti adalah satu kekurangan yang terdapat di Kuala Kedah. Sumber hospitaliti sebenarnya mempunyai peranan yang penting yang dapat mewujudkan perasaan dialu-alukan dan dihargai oleh

masyarakat setempat di kalangan para pelawat ke sesuatu destinasi. Atas kekurangan ini, satu program latihan hospitaliti perlu dijalankan kepada masyarakat setempat untuk menjadikan mereka lebih bersedia menghadapi atau menerima pelawat serta lebih mesra dan sensitif terhadap kehendak dan keperluan para pelawat.

### Cadangan

Untuk mewujudkan sebuah destinasi pelancongan yang berdaya saing dan mampu memikat dan akhirnya menarik pelawat atau pelancong untuk datang ke destinasi tersebut, para tokoh akademik secara umumnya bersetuju agar lima 'A' bagi pelancongan [*five A's of tourism – access (kemudahsampaian), accommodation (penginapan), attractions (tarikan), activities (aktiviti) and amenities (kemudahan)*]] perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berkaitan. Faktor-faktor inilah yang amat diperlukan dalam membangunkan sebuah destinasi yang berjaya. Dalam konteks Kuala Kedah, memang tidak dapat dinafikan bahawa kepelbagaian tarikan yang terdapat di sana serta elemen-elemen dan aspek-aspek lain yang berkaitan sebenarnya berkemampuan untuk 'memancing' dan menarik lebih ramai pelancong dan pelawat ke sana. Namun, seperti yang dinyatakan sebelum ini, untuk menjadi sebuah destinasi pelancongan warisan, sememangnya banyak usaha terutamanya dalam aspek perancangan dan pembangunan termasuklah aspek pemasaran dan latihan hospitaliti adalah amat diperlukan.

## Rajah 1: Kemudahan, Infrastruktur dan Pengangkutan sedia ada di Kuala Kedah

### Pengangkutan dan Lalulintas

- Sistem jalan sedia ada yang utama di Kuala Kedah ialah Jalan Kuala Kedah yang menghubungkan Kuala Kedah dengan Pusat Bandar Alor Star dan juga bandar-bandar lain seperti Sungai Petani dan Lebuhraya Utara Selatan.

### Pengangkutan Awam

- **Perkhidmatan bas:** diberikan oleh tiga syarikat, operasi ke Alor Star melalui beberapa jaluan dari Pekan Kuala Kedah. Kekerapan yang baik, ketepatan waktu perjalanan yang agak baik. Stesen dan pondok-pondok perhentian bas sedang dinaiktaraf dan diperbaiki.
- **Perkhidmatan Teksi:** Perkhidmatan oleh teksi-teksi yang berpusat di Alor Star, bergantung kpd permintaan, stesen teksi utama di terminal jeti penumpang.

### Pengangkutan Laut

- Pintu masuk utama ke Langkawi dan pelabuhan utama negeri Kedah.
- Mod pengangkutan terpenting yang menghubungkan Kuala Kedah dengan Langkawi dan bagi aktiviti yang memerlukan pengangkutan menerusi laut.
- Beberapa syarikat perkhidmatan penumpang e.g. Lada Holding Sdn. Bhd, Kuala Perlis-Langkawi Ferry Services dan Marine Star.
- Terminal penumpang Kuala Kedah: kemudahan letak kereta, kaunter membeli tiket, tempat duduk/menunggu dan perkhidmatan teksi, kemudahan informasi tentang jadual perjalanan dan lain-lain kemudahan penumpang

### Infrastruktur dan Utiliti

- Bekalan air yang mencukupi dan baik dari tangki air Bukit Pinang.
- Bekalan elektrik dari Pencawang Masuk Utama (PMU) Alor Star, mencukupi menampung keperluan sedia ada.
- Telekomunikasi: ibusawat telefon- keupayaan 300 talian, telefon awam di tempat-tempat strategik.
- Sistem saliran: Sungai Kedah, Saliran Pertanian, Saliran Bandar.
- Sistem Pembentungan yang diselenggara secara berkala.
- Pembuangan sisa pepejal/beracun dan berbahaya: perkhidmatan pungutan harian oleh MPKS (MBAS).

### Kemudahan Perkhidmatan Masyarakat

- Pendidikan: Sekolah-sekolah menengah dan rendah
- Kesihatan: Pusat Kesihatan Kecil dan klinik bidan serta beberapa klinik swasta (berdekatan kawasan tumpuan pelancong di Pekan Kuala Kedah/Terminal Penumpang)
- Perkhidmatan Polis: sebuah balai polis dengan bilangan anggota yang mencukupi.
- Perkhidmatan pos: sebuah pejabat pos di Pekan Kuala Kedah, sedang diubahsuai bagi menampung keperluan semasa.
- Perkhidmatan bomba: sebuah pasukan bomba sukarela, perkhidmatan utama diterima daripada Balai Bomba Alor Star.
- Kemudahan keagamaan dan perkuburan: masjid baru yang menarik, landskap perkuburan yang menarik.
- Kemudahan rekreasi dan penginapan
- Kemudahan perniagaan dan kewangan: lot kedai, restoran, pasar mini, kedai-kedai makan, pasar, bank dan atm

Sumber: Draf Rancangan Tempatan Kuala Kedah (1996) dan tinjauan semasa.

Perancangan komuniti bagi pelancongan warisan untuk mencapai pembangunan ekonomi yang lebih baik perlu memberikan fokus terhadap elemen-elemen penting yang berikut: (1) penduduk tempatan, (2) pelawat atau pelancong, (3) destinasi yang berkaitan, dan (4) perinsip pembangunan pelancongan. Pelan pembangunan pelancongan yang berkesan dan strategi-

strategi yang sesuai adalah amat diperlukan lebih daripada pergantungan hanya kepada kempen pengiklanan. Dalam konteks ini, ianya memerlukan kepada pemahaman yang meluas mengenai pelawat atau pelancong dan pengiktirafan terhadap sumbangan dan penglibatan penduduk tempatan perlu diberikan keutamaan.

Di sebalik kekurangan ‘ikon’ atau tarikan warisan yang ‘kuat’, sebagai permulaan, Kuala Kedah sememangnya perlu untuk bergantung kepada tarikan-tarikan lain yang ada di sana serta tarikan-tarikan yang terdapat di kawasan yang berhampiran terutamanya di sekitar Bandaraya Alor Star untuk ianya dikenali sebagai sebuah destinasi. Apabila mula dikenali, Kuala Kedah kemudiannya bolehlah memberikan fokus kepada tarikan-tarikan warisannya terutama Kota Kuala Kedah.

Seperti industri-industri lain, pelancongan di Kuala Kedah memerlukan persekitaran yang harmoni dan kondusif untuk terus berkembang. Sebagai permulaan, dalam hal ini, cara terbaik bagi mewujudkan persekitaran tersebut adalah melalui perancangan pelancongan. Bagi menjadikan proses perancangan ini lebih bermakna terutamanya kepada komuniti Kuala Kedah, sebuah jawatankuasa khas perlu dibentuk di kalangan penduduk tempatan. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab menyiasat *trend* pelancongan semasa dan perkaitannya dengan kemudahan dan perkhidmatan sedia ada yang dapat ditawarkan oleh komuniti. Jawatankuasa ini juga akan menyiasat, menilai dan menyebarkan maklumat pasaran (seperti mengenalpasti peluang pasaran baru dan meneroka kaedah promosi terkini untuk segmen pasaran tersebut). Antara maklumat dan aspek yang perlu diterokai oleh jawatankuasa ini adalah berkaitan dengan persoalan yang berikut:

- Di mana pasaran baru boleh diterokai dan apakah potensi pasaran ini?
- Segmen pasaran manakah yang masih tidak dapat dipenuhi kehendak dan keperluan mereka oleh kemudahan dan perkhidmatan sedia ada di destinasi?
- Apakah pecahan perbelanjaan pelawat atau pelancong di destinasi?
- Bagaimana pelancongan dapat meningkatkan nilai hartanah?
- Apakah bentuk perkhidmatan, kemudahan dan aktiviti baru yang diperlukan?
- Bagaimana pelancongan mempengaruhi:
  - harga perkhidmatan lain?
  - pertanian, perikanan dan premis penyediaan makanan dan minuman?
  - kedai-kedai dan perniagaan-perniagaan lain?
  - pasaran kerja?
  - premis hiburan?

Justeru, jawatankuasa khas ini juga perlu memastikan supaya **lima A** pelancongan di Kuala Kedah adalah berada pada tahap yang optimum. Adalah penting bagi Kuala Kedah memastikan **kemudahsampaian** di destinasi tersebut berada dalam keadaan memuaskan contohnya melalui penyediaan ruang letak kereta/kenderaan yang mencukupi, kemudahan-kemudahan lain untuk penumpang dan penyediaan papan-papan tanda yang sesuai dan mencukupi. Pelancong-pelancong yang melawat tarikan juga memerlukan **penginapan** selesa yang berdekatan di destinasi. Justeru, jawatankuasa ini perlu mengenalpasti atau menentukan standard penginapan yang bersesuaian dengan jenis atau kategori pelancong. **Tarikan** di destinasi juga perlu dipantau dan dipastikan ianya sentiasa mampu memberikan ‘kepuasan’ di tahap yang terbaik seperti diharapkan oleh para pelawat.. Semasa di destinasi, para pelancong juga mencari **aktiviti** yang berkaitan untuk mereka melibatkan diri. Justeru, jawatankuasa khas ini bukan sahaja perlu memastikan bahawa aktiviti berkaitan yang sedia ada di destinasi adalah bersesuaian dengan pelancong atau pelawat yang datang ke sana, malahan jawatankuasa ini juga perlu mencari ide yang segar dalam mempelbagaikan aktiviti baru supaya tempoh tinggal mereka di Kuala Kedah adalah lebih bermakna. **Kemudahan** yang berkaitan di destinasi dan berdekatan termasuklah kemudahan yang diperlukan dalam perjalanan ke destinasi perlu sentiasa dipastikan berada pada tahap yang memuaskan terutamanya dalam aspek perkhidmatan yang ditawarkan oleh kemudahan tersebut. Ini termasuklah perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengangkutan awam, restoran dan kafe, kedai-kedai, dan pusat maklumat pelancong.

Dalam memantapkan lagi pembangunan dan aktiviti pelancongan dan dalam usaha membantu Kuala Kedah ke arah destinasi pelancongan warisan, beberapa cadangan yang digariskan dalam Draf Rancangan Tempatan Kuala Kedah 1994-2005 perlu dilihat dan dipertimbangkan semula. Antara cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- Selaras dengan fungsinya sebagai petempatan nelayan dan peranannya sebagai pintu masuk utama ke Langkawi, imej landskap Kuala Kedah perlu dibentuk supaya bukan sahaja fungsi dan peranannya dapat ditonjolkan, malahan persejerahan zaman silamnya sebagai Kota Pertahanan dapat juga dipulihkan bagi kepentingan pelancongan.
- Mengakal dan memulihara Kota Kuala Kedah sebagai monumen warisan sejarah.
- Program publisiti dan promosi haruslah dilakukan dengan meluas.
- Mewujudkan taman-taman persiaran sungai menerusi projek pengindahan tebing-tebing sungai.
- Mewujudkan medan selera yang mengandungi gerai-gerai makan, medan ikan bakar, restoran-restoran terapung, pusat kraftangan, kompleks perniagaan, “*observation tower*”, kampong nelayan tradisional, *club house*/marina serta hotel kos sederhana.
- Pusat-pusat penerangan pelancong perlu diwujudkan di tempat-tempat tertentu seperti di bangunan jeti baru Kuala Kedah bagi mempertingkatkan publisiti dan promosi yang lebih berkesan terhadap pelancongan negeri Kedah dan di Kuala Kedah.
- Kawasan di mana aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan dijalankan akan disediakan di Muara Sungai Kedah. Ini termasuklah pengendalian bot-bot perikanan dan aktiviti pemunggahan ikan.

## **Penutup**

Warisan merupakan satu motivasi pelancongan yang semakin mendapat tempat di hati para pelancong pada masa kini. Konsep warisan adalah amat luas dan subjektif, namun atas faktor-faktor tertentu, pelancongan berteraskan warisan menjadi satu fenomena mutakhir dalam industri pelancongan global walaupun perjalanan untuk tujuan kebudayaan atau melawat tempat bersejarah telah wujud dan popular sejak zaman silam lagi. Pelancongan warisan yang amat sinonim dengan usaha pemuliharaan ini perlu dirancang dan dibangunkan dengan begitu teliti memandangkan elemen dan sumber-sumber warisan adalah tidak dapat ditukar ganti sekiranya berlaku kerosakan terhadap sumber warisan yang berkenaan. Malaysia juga tidak kekurangan dengan sumber-sumber warisannya yang semakin mendapat tempat bukan sahaja di hati pelancong tempatan malahan para pelancong antarabangsa. Semakin banyak tempat mula membangun sebagai destinasi pelancongan warisan atas hasil usaha dan sokongan kerajaan. Kuala Kedah sebenarnya turut mempunyai elemen dan sumber-sumber warisannya yang tersendiri dan berpotensi untuk dibangunkan sebagai sebuah destinasi baru. Namun, untuk muncul mendadak sebagai destinasi warisan adalah sesuatu yang agak sukar untuk dicapai dalam masa yang singkat. Justeru, aspek perancangan dan pembangunan pelancongan termasuk usaha pemasaran dan promosi perlu dilaksanakan dalam konteks lestari dengan memberi keutamaan kepada komuniti setempat demi kebaikan semua.

## **RUJUKAN**

Davidson, R. & Maitland, R. (1997). *Tourism destination*. London: Hodder & Stoughton.

Din, K. H. (2000). Pengurusan warisan: hidangan lama perencah baru. *Seminar Warisan Budaya dan Pelancongan: Ke arah Pengurusan Lestari*, Langkawi, 1-2 Nov.

Inskeep, E. (1991). *Tourism planning: an integrated and sustainable development approach*. New York: Van Nostrand Reinhold.

Jenkins, C.L (1993). Marketing culture in international tourism; In: W. Nuryanti (Ed.) Universal Tourism: Enriching or Degrading Culture. Proceedings of the International Conference on Culture and Tourism; Gadjah Mada University Press, Yogyakarta, pp.171-179.

Kamarudin, Hymeir. *Coasting down the Bund: Birding in Northern Peninsular Malaysia* (<http://wildasia.net>)

Lickorish, L. J. and Jenkins, C. L. (1999). *An introduction to tourism*. London: Butterworth-Heinemann.

Majlis Perbandaran Kota Setar (1996). *Draf rancangan tempatan Kuala Kedah 1994-2005*. Alor Setar: MPKS.

Nuryanti, W. (1996). Heritage and postmodern tourism. *Annals of Tourism Research*, 23(2):249-260.

Razak, N. A. (2006) Pelancongan warisan: satu tinjauan global. Dlm Hamidi Ismail, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain dan Johan Afendi Ibrahim (Penyunting). *Pengurusan Persekutaran dan Pelancongan di Malaysia: Konsepsi dan Kajian*, UUM, Penerbit Universiti.

Pearce, D. G. (1989). *Tourism development*. Essex: Longman.

Swarbrooke, J. (1994). The future of the past: heritage tourism into the 21st century. In A.V. Seaton (ed). *Tourism. The State of the Art*. Chichester: John Wiley & Sons Ltd, pp.222-229.

Swarbrooke, J. (1999). *Sustainable tourism development*. Wallingford: CABI.

Tunbridge, J.E. and Ashworth G.J. (1996). *Dissonant heritage. the management of the past as a resource in conflict*. Chichester: John Wiley & Sons.

World Heritage Committee (WHC). (<http://www.unesco.org/whc/>)

Yale, P. /1991/: *From tourist attractions to heritage tourism*. Kings Ripton: ELM Publications.